

**Pas Bariskan Kira-kira 40 Peratus Calon Muda Pada PRU Ke-13**  
**Bernama**  
**09 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- PAS akan membariskan kira-kira 40 peratus calon golongan muda pada Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-13, kata Setiausaha Dewan Pemuda Khairul Faizi Ahmad Kamil.

Beliau berkata inisiatif meletakkan calon di bawah 40 tahun untuk kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) dibuat bagi memanfaatkan bakat yang ada serta pendapat bernas golongan itu selain memberi lebih ruang kepada generasi baharu itu bersuara dalam arena politik Malaysia.

"Kalau dapat, kami akan tonjolkan calon berpotensi (mewakili PAS) daripada Dewan Pemuda PAS pada Muktamar Dewan Pemuda PAS Pusat Kali Ke-53 di Kelantan pada pertengahan bulan ini," katanya kepada pemberita di sini, Jumaat.

Muktamar Dewan Pemuda PAS akan diadakan pada 14 dan 15 Nov di Kota Baharu, Kelantan, sementara Muktamar Agung PAS akan diadakan pada 16 hingga 18 Nov, bertemakan "Negara Berkeadilan Teras Perpaduan' di Pengkalan Chepa, Kelantan.

"Memang fokus (muktamar) adalah pilihan raya. Harapannya selepas muktamar, kami akan gariskan beberapa perkara dan ia akan memberi tonik baharu kepada perwakilan," kata Khairul Faizi.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708331>